



# MANUAL PELAKSANAAN IBS BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK <sup>1.0</sup>



CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK  
JANUARI 2016

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 1/77

**JABATAN KERJA RAYA**  
© Hak Cipta Terpelihara

Data dan maklumat yang terkandung di dalam dokumen manual ini adalah hak milik Cawangan Kejuruteraan Elektrik Jabatan Kerja Raya Malaysia. Tidak dibenarkan membuat salinan, fotokopi, storan melalui komputer atau sistem capaian semula terhadap mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini kecuali mendapat keizinan bertulis daripada pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kerja Raya.

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 2/77

## KAWALAN PINDAAN DOKUMEN

### Maklumat Dokumen

Tajuk	<b>Manual Pelaksanaan IBS <sup>1.0</sup> Bagi Kerja-Kerja Elektrik</b>
Pegawai yang Diberi Kuasa	<b>Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik Jabatan Kerja Raya Malaysia</b>

### Kawalan Versi

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan
No. 1	Januari 2016	Keluaran Pertama

Dokumen manual ini dibangunkan sebagai dokumen kawalan dan dokumen versi terdahulu jika ada adalah termansuh. Pengguna boleh menghubungi pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik Jabatan Kerja Raya Malaysia di alamat berikut bagi memastikan versi adalah yang terkini.

Cawangan Kejuruteraan Elektrik  
 Ibu Pejabat JKR Malaysia | Aras 11 | Menara Kerja Raya  
 Jalan Sultan Salahuddin | 50480 Kuala Lumpur  
 Malaysia  
 Tel: +603-2610 8888 (*General Line*)

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		<b>Tarikh dikeluarkan</b>	<b>:</b> <b>Januari 2016</b>
		<b>Pindaan</b>	<b>:</b>
		<b>Tarikh Pindaan</b>	<b>:</b>
		<b>Muka Surat</b>	<b>:</b> <b>3/77</b>

## KATA-KATA PENGANTAR

Tujuan penyediaan dokumen ini adalah sebagai panduan keperluan asas bagi kaedah pemasangan elektrik untuk pembinaan projek secara IBS. Panduan ini dikhususkan bagi menerangkan panduan asas kepada perekabentuk, penyelia tapak bina dan kontraktor/pembekal dalam menyediakan keperluan pemasangan bagi kerja elektrik.

Penerangan di dalam dokumen ini merangkumi fasa pelaksanaan projek iaitu fasa pra kontrak dan pos kontrak. Sementara penyediaan keperluan bagi kerja elektrik pula merangkumi kaedah pelaksanaan projek sama ada kaedah konvensional tender terbuka, terhad, pakej atau rundingan terus atau projek yang dilaksanakan melalui kaedah reka dan bina.

Kaedah yang dinyatakan di dalam manual ini adalah sebagai panduan dan cadangan yang dinyatakan hanyalah merupakan syor untuk digunapakai. Namun kaedah yang dinyatakan di dalam manual ini tidak tertakluk sekiranya terdapat kaedah pemasangan selainnya mengikut sistem dan spesifikasi pemasangan yang betul dan lebih baik untuk digunakan.

Penerangan ini juga dibuat dalam bentuk carta alir proses beserta peranan dan tanggungjawab ahli pasukan projek (kerja-kerja elektrik). Oleh itu, bagi mendapat gambaran dan koordinasi secara keseluruhan, keperluan pemasangan komponen IBS lain seperti komponen struktur dan arkitek untuk sesebuah projek hendaklah dirujuk.

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 4/77

## PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan ilmu pengetahuan, tenaga dan juga masa bagi menghasilkan dokumen ini.

### **Jawatan Kuasa Standard dan Spesifikasi Caw. Kejuruteraan Elektrik**

Dato' Ir. Hj. Mohd. Fazli B. Osman	- Pengerusi
Ir. Mohd. Nazri B. Shaari	- Panel
Ir. Dr. Hj. Mohd. Johari B. Md Arif	- Panel (bekas Pengarah CKE)
Ir. Nik Rahimi B. Nik Mansor	- Panel (bekas Pengarah CKE)

### **Jawatan Kuasa Kajian Semula (*Review*)**

Semua Ketua Unit di Cawangan Ibu Pejabat dan Negeri

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		<b>Tarikh dikeluarkan</b>	<b>:</b> <b>Januari 2016</b>
		<b>Pindaan</b>	<b>:</b>
		<b>Tarikh Pindaan</b>	<b>:</b>
		<b>Muka Surat</b>	<b>:</b> <b>5/77</b>

## PASUKAN KERJA IBS CKE

### Penasihat

1. Ir. Mohd. Nazri bin Shaari
2. Ir. Haizan bin Hussein

### Ahli Jawatan Kuasa Kerja

1. Ir. Noor Ashikin Bt. Md Tamimi
2. Ir. Hj. Kamaruzaman B. Kasimin
3. Ir Al-Malik Faisel B. Md Saupi
4. Ir. Syed Azhar Alatas B. Syed Ahmad
5. Ir. Haniff B. Ab. Hamid
6. Aidil Safian B. Abu Bakar
7. Mohd. Nizam B. Din
8. Nur Amiza Syafinaz Bt. Amir Abdullah
9. Ruslina Bt. Omar
10. Juhanis Bt. Mohd Alias
11. Wan Nurazierin Bt. Wan Azmin
12. Azizulhakim B. Abdul Aziz (bekas ahli)
13. Zaharudin B. Hussain
14. Norhazliza Bt. Muhammad Ibrahim
15. Aiza Bt. Abdul Adzis
16. Rosliana Bt. Mat Senapi
17. Mohamad Azlan B. Zanal Abidin
18. Mohd Shahrulnizam B. Salihin
19. Elfron B. Lasuin
20. Abdullah B. Abdul Rahim

### Rekabentuk Grafik & Ilustrasi

1. Mohd Shafarin B. Yusof
2. Mohd Faizal B. Zulkifli

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 6/77

## KANDUNGAN

Mukasurat

<b>PENGENALAN</b> .....	<b>8</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b> .....	<b>10</b>
1.1 Latar Belakang .....	10
1.2 Pernyataan Masalah .....	11
1.3 Terma dan Definisi .....	12
1.4 Tujuan .....	13
<b>BAB 2: PERINGKAT PERANCANGAN</b> .....	<b>16</b>
2.1 Keperluan Skop Kerja Mengikut Kaedah Perolehan .....	16
2.2 Cadangan Tempoh Pelaksanaan.....	18
2.2.1 Tempoh Penyediaan Lukisan Rekabentuk .....	18
2.2.1 Tempoh Penyediaan Infrastruktur Elektrik .....	19
<b>BAB 3: PERINGKAT REKABENTUK</b> .....	<b>21</b>
3.1 Keperluan dan Koordinasi Rekabentuk .....	21
3.3.1 Keperluan Bagi Koordinasi Kerja .....	21
3.3.2 Lukisan Awalan, Keperluan BWIC Dan Infrastruktur Elektrik .....	23
<b>BAB 4: PERINGKAT PEROLEHAN</b> .....	<b>25</b>
4.1 Keperluan dan Syarat Pelaksanaan Dalam Kontrak Utama .....	25
4.1.1 Keperluan Kehendak Awalan ( <i>Preliminaries</i> ) .....	25
4.1.2 Adendum Arahan Kerja Kepada Petender .....	25
4.1.3 Keperluan <i>Needs Statement</i> .....	26
4.1.4 Senarai Kuantiti Kerja Awalan .....	26
<b>BAB 5: PERINGKAT PRA PEMBINAAN</b> .....	<b>28</b>
5.1 Maklumat Asas Komponen.....	28
5.1.1 Komponen IBS (Struktur) .....	28
5.1.2 Komponen IBS (Arkitek) .....	30
5.1.3 Komponen Elektrik .....	31
5.2 Input Lukisan Pembinaan Elektrik .....	34
5.3 Isu Pemasangan Peringkat Pra Pembinaan .....	36
5.4 Contoh Lukisan Koordinasi Elektrik .....	37

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 7/77

<b>BAB 6: PERINGKAT PEMBINAAN .....</b>	<b>39</b>
6.1 Matriks Peranan Dan Tanggungjawab .....	39
6.1.1 Pasukan Projek Kaedah Konvensional (Terbuka/Terhad) .....	39
6.1.2 Pasukan Projek Kaedah Konvensional (Rundingan Terus/Pakej).....	42
6.1.3 Pasukan Projek Kaedah Reka & Bina .....	45
6.2 IBS <i>M&amp;E Coordinator</i> .....	48
6.3 Aliran Proses Koordinasi Keperluan Kerja Elektrik .....	49
6.3.1 Kaedah Konvensional (Terbuka/Terhad) .....	49
6.3.2 Kaedah Konvensional (Rundingan Terus/Pakej).....	50
6.3.3 Kaedah Reka & Bina .....	51
6.4 Isu Pemasangan Peringkat Pembinaan .....	52
6.5 Panduan Kaedah Pemasangan .....	55
6.5.1 Pemasangan Infrastruktur Elektrik.....	55
6.5.2 Cadangan Pemasangan Pada Komponen IBS .....	61
6.5.3 Pembangunan Masa Hadapan .....	70
<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>71</b>
<b>APPENDIKS</b>	
Panduan Senarai Kuantiti Kerja Awalan ( <i>LAMPIRAN A</i> ).....	73
Singkatan & Akronim ( <i>LAMPIRAN B</i> ) .....	75
Bibliografi ( <i>LAMPIRAN C</i> ) .....	76



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

<b>Tarikh dikeluarkan</b>	:	<b>Januari 2016</b>
<b>Pindaan</b>	:	
<b>Tarikh Pindaan</b>	:	
<b>Muka Surat</b>	:	<b>8/77</b>

## PENGENALAN

Pelaksanaan sistem pembinaan secara berindustri telah pun dimulakan di negara ini seawal tahun 1999. Walau bagaimanapun surat dasar mengenai pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS) hanya dikeluarkan secara rasmi oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil.7 Tahun 2008 berkenaan Pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS) Dalam Projek Kerajaan. Tarikh SPP ini berkuatkuasa adalah pada 31 Oktober 2008. SPP ini juga melampirkan Manual Pelaksanaan IBS Bagi Projek Kerajaan sebagai lampiran.



### Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2008 berkaitan IBS

Selaras dengan pelaksanaan IBS ini, Jawatankuasa Induk IBS di peringkat negara dan Jawatankuasa Teknikal IBS di peringkat jabatan juga telah dibentuk.

Walaupun bagaimanapun pemakaian IBS untuk pelaksanaan projek bagi semua projek-projek kerajaan adalah dikecualikan bagi projek-projek yang dikategorikan seperti berikut :

- i) Projek-projek yang bernilai kurang dari RM10 juta (melalui kelulusan pengecualian penggunaan oleh KPKR JKR).
- ii) Projek-projek di kawasan terpencil atau pendalaman.
- iii) Kerja-karya pengubahsuaian bangunan sedia ada.

**BAB 1:**  
**PENDAHULUAN**



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	10/77

## 1.1 LATAR BELAKANG



Gambar 1: Panel Dinding IBS

Secara amnya tanggungjawab bagi menjayakan kaedah pelaksanaan IBS ini adalah melibatkan semua disiplin yang terlibat dalam peringkat pelaksanaan projek. Pelaksanaan projek bermula dari peringkat perancangan, rekabentuk, perolehan hinggalah peringkat pembinaan. Setiap peringkat akan merangkumi koordinasi pelbagai sistem dari semua disiplin termasuklah bagi kerja-kerja sistem elektrik. Peranan pihak-pihak yang terlibat sama ada pereka bentuk, koordinator, pegawai tapak dan kontraktor-kontraktor yang dilantik adalah amat penting.

Sehubungan itu, bagi menyelaraskan kaedah pelaksanaan IBS untuk kerja-kerja elektrik, satu jawatankuasa terdiri daripada Ketua-ketua Unit Bahagian Rekabentuk CKE telah dibentuk pada Mei 2008 dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perunding Rekabentuk pada ketika itu. Matlamat utama jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji dan membincangkan isu pelaksanaan IBS di Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE).

Seterusnya pada Oktober 2012, Jawatankuasa Kerja IBS CKE telah mula dibentuk. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil dari semua unit di CKE iaitu pejabat iaitu unit Rekabentuk termasuklah unit ELV, ICT, Senggara dan Bahan. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah bagi mengkaji keperluan pelaksanaan IBS di cawangan melibatkan kaedah pelaksanaan dan masalah teknikal yang dihadapi untuk pemasangan sistem elektrik. Maklumbalas dari CKE negeri juga diambil kira bagi menghasilkan manual ini.



Gambar 2: Pemasangan Komponen IBS

Tugas Jawatan Kuasa Kerja IBS CKE adalah bagi mengenalpasti kaedah dan keperluan untuk menentukan pemasangan kerja elektrik dapat disediakan sebelum atau semasa pemasangan komponen IBS seperti tiang (*column*), rasuk (*beam*), papak (*slab*), lantai dan dinding.



## MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK


CKE.MN.01.52.(00).2015

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	11/77


### 1.2 PENYATAAN MASALAH

Antara masalah yang dihadapi dalam melaksanakan pemasangan elektrik secara IBS adalah saiz komponen IBS yang tidak seragam dan lebih kepada *proprietary (close) system*. Tambahan pula tahap kemahiran dan kompetensi *installer* bagi kaedah pemasangan sistem elektrik secara IBS masih rendah.

Contoh masalah pemasangan yang dihadapi:



Gambar 3: Kaedah pemasangan 1 untuk pemasangan conduit elektrik sebegini menimbulkan kesukaran ketika pelaksanaan ke atas komponen IBS terutama membabitkan pemasangan di tiang dan lantai.



Gambar 4: Kaedah pemasangan conduit elektrik yang dicadangkan ini juga menimbulkan masalah conduit yang terdedah terutama bagi ruang yang tidak bersiling seperti di kuarters dan sekolah.

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 12/77

Antara maklumbalas yang diterima bagi pemasangan kerja elektrik adalah:

- i. Tiada peranan yang jelas setiap ahli pasukan projek.
- ii. Proses kerja dan pemilihan komponen IBS yang berbeza dari segi saiz dan jenis oleh pembekal IBS menyukarkan pemasangan kerja elektrik diseragamkan.
- iii. Maklumat yang masih kurang dalam merekabentuk dan menyelia pemasangan elektrik untuk sistem IBS sebagai rujukan.

### 1.3 TERMA DAN DEFINISI

Antara terma dan definisi yang digunakan dalam manual ini adalah seperti berikut:

TERMA	DEFINISI
<i>Industrialised Building System (IBS)</i>	- Sistem binaan berindustri yang dipasang siap sama ada di kilang atau di tapak.
<i>Preliminary Item</i>	- Kerja-kerja awalan/ peralatan yang dinyatakan di dalam kontrak sebagai permulaan projek.
Lukisan BWIC	- Lukisan keperluan infrastruktur untuk kerja pemasangan elektrik yang melibatkan kerja pembina bangunan.
Lukisan Konsep	- Lukisan cadangan bagi kaedah pengagihan dan rekabentuk sistem elektrik.
Lukisan Susunatur	- Lukisan yang disediakan oleh perekabentuk menunjukkan keperluan kelengkapan sistem elektrik bagi setiap ruang.
Lukisan Awalan	- Lukisan yang disediakan di peringkat awal rekabentuk sebagai rujukan pembinaan termasuk lukisan BWIC/Infrastruktur dan lukisan konsep rekabentuk sistem elektrik.
Lukisan Rekabentuk	- Lukisan yang dihasilkan di peringkat rekabentuk.
Lukisan Komponen	- Lukisan yang disediakan oleh pembekal dan kontraktor bagi tujuan pembuatan komponen yang akan dibuat sama ada di kilang atau tapak.
<i>Method Statement</i>	- Kaedah pemasangan yang dikemukakan sebelum pemasangan sebenar dibuat.

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 13/77

- Lukisan Pembinaan - Lukisan akhir yang disediakan di peringkat rekabentuk untuk tujuan pembinaan di tapak.
- Lukisan Kerja - Lukisan yang disediakan oleh kontraktor di peringkat pembinaan untuk tujuan pemasangan sebenar di tapak.
- HOPT - Pengurus Program /Ketua Pasukan Projek.
- HODT - Pengurus Projek /Ketua Pasukan Rekabentuk.
- PP - Pegawai Penguasa/Pengarah Projek adalah pegawai yang diberi kuasa mengetuai kerja-kerja penyeliaan di tapak bina.
- WPP - Wakil Pegawai Penguasa/Pengarah Projek adalah wakil pegawai yang diberi kuasa untuk membantu penyeliaan kerja-kerja utama/pakar di tapak bina.
- IBS M&E Coordinator* - Individu yang dilantik oleh kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja koordinasi berkaitan servis M&E untuk sistem IBS.

#### 1.4 TUJUAN

Tujuan manual pelaksanaan IBS bagi kerja elektrik ini disediakan adalah bagi memberi penerangan dan pendedahan kepada perekabentuk tentang keperluan yang perlu diambilkira sebagai langkah awal untuk mengelakkan masalah timbul diperingkat pembinaan. Selain itu, penerangan yang diberikan sedikit sebanyak diharap dapat membantu penyelia tapak yang terlibat dalam pembinaan projek menggunakan sistem IBS memahami apa yang perlu diselia, bila dan di mana penyeliaan perlu dilaksanakan bagi pemasangan sistem elektrik di tapak.


Secara ringkasnya manual ini menerangkan keperluan mengikut fasa dan peringkat pelaksanaan seperti berikut:



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	14/77



Nota :

Setiap keperluan bagi fasa pelaksanaan ini diuraikan di dalam manual, walau bagaimanapun keperluan sebenar adalah tertakluk kepada kesesuaian pelaksanaan projek masing-masing.

**BAB 2:**  
**PERINGKAT PERANCANGAN**

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 16/77

## 2.1 Keperluan dan Skop Kerja Mengikut Kaedah Perolehan

Pendekatan cawangan bagi pelaksanaan IBS ini adalah merujuk kepada kaedah perolehan kerja elektrik. Kaedah perolehan ini kebiasaannya ditentukan berdasarkan kaedah pelaksanaan projek. Ianya akan melibatkan pelaksanaan elektrik di peringkat perancangan, rekabentuk dan perolehan. Penerangan ringkas berkaitan kaedah pelaksanaan projek dan kaedah perolehan kerja elektrik adalah seperti berikut:

	Kaedah pelaksanaan Projek	Kaedah perolehan kerja Elektrik	Kenyataan Ringkas
1	Kaedah Konvensional (Terbuka)	Tender Terbuka	Tender utama akan diiklan secara tender terbuka, kebiasaannya tender elektrik juga akan diiklan secara tender terbuka dalam tempoh masa yang ditetapkan di peringkat perancangan. Sub kontraktor elektrik dilantik adalah sebagai <i>Nominated Sub Contractor</i> (NSC).
2	Kaedah Konvensional (Terhad)	Tender Terhad	Tender utama diluluskan pelaksanaannya secara tender terhad, kebiasaannya tender elektrik juga akan dilaksanakan secara tender terhad kepada senarai nama sub kontraktor yang diluluskan. Sub kontraktor elektrik dilantik adalah sebagai <i>Nominated Sub Contractor</i> (NSC).
3	Kaedah Konvensional (Terbuka/Terhad)	Pakej	Tender utama dilaksanakan secara tender terbuka atau terhad. Disebabkan faktor-faktor tertentu skop elektrik diluluskan untuk dilaksanakan secara pakej kepada kontraktor utama. Pelarasan dan kelulusan dan harga antara kontraktor utama dan kerajaan akan dibuat melalui jawatan kuasa rundingan harga (selepas tender utama). Sub kontraktor elektrik yang dilantik oleh kontraktor utama adalah sebagai <i>Domestic Sub Contractor</i> (DSC).
4	Kaedah Konvensional (Rundingan Terus)	Rundingan Terus	Tender utama diluluskan pelaksanaannya secara tender rundingan terus, kebiasaannya skop elektrik juga akan dilaksanakan secara rundingan terus serentak dengan kontraktor utama. Sub kontraktor elektrik yang dilantik oleh kontraktor utama adalah sebagai <i>Domestic Sub Contractor</i> (DSC).
5	Kaedah Reka & Bina	Reka & Bina	Projek diluluskan pelaksanaan secara reka & bina (termasuk kerja elektrik). Sub kontraktor elektrik yang dilantik oleh kontraktor utama adalah <i>Domestic Sub Contractor</i> (DSC).

**Jadual 1: Kaedah Pelaksanaan Projek dan Perolehan Kerja Elektrik**

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		<b>Tarikh dikeluarkan</b>	<b>: Januari 2016</b>
		<b>Pindaan</b>	<b>:</b>
		<b>Tarikh Pindaan</b>	<b>:</b>
		<b>Muka Surat</b>	<b>: 17/77</b>

Penentuan bagi kaedah perolehan kerja elektrik adalah diputuskan oleh pihak Pengurus Program (HOPT) hasil dari pandangan oleh HODT Elektrik. Secara ringkas keperluan bagi skop kerja elektrik mengikut kaedah pelaksanaan projek adalah seperti berikut :

	<b>Kaedah Pelaksanaan Projek</b>	<b>Keperluan Untuk Tender Utama</b>	<b>Skop Kerja Infrastruktur Elektrik/BWIC</b>	<b>Skop kerja Pendawaian</b>
5.2.1	<b>Konvensional</b> (Tender Terbuka/ Terhad)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Preliminary Item dalam Kontrak Utama oleh HODT Elektrik.</li> <li>2. Arahan Kepada Pentender dalam Kontrak Utama oleh HODT Elektrik</li> <li>3. Lukisan Awalan (BWIC &amp; Susunatur elektrik) oleh HODT Elektrik.</li> <li>4. Lukisan Komponen, <i>Method Statement</i>, dsb. akan disediakan oleh Kontraktor Utama.</li> </ol>	Keperluan kerja-kerja BWIC elektrik (seperti <i>trenches, opening, pit, ducting, bund, kerb, underfloor ducting, back box, conduit</i> , dsb.) akan dilaksanakan oleh Kontraktor Utama.	Kerja pendawaian dan pemasangan elektrik adalah di bawah tanggungjawab NSC Elektrik yang diawad.
5.2.2	<b>Konvensional</b> (Rundingan Terus)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Preliminary Item dan Arahan Kepada Pentender berkenaan IBS dalam Kontrak Utama</li> <li>2. Maklumat SoA/ RD dan Senarai Kuantiti berdasarkan SoA/RD.</li> <li>3. Lukisan Rekabentuk Susunatur &amp; Skematik (tipikal) akan disediakan dan dikemukakan oleh HODT Elektrik.</li> <li>4. Lukisan BWIC, Lukisan Komponen, Lukisan Skematik (terperinci), <i>Method Statement</i>, dsb. akan disediakan oleh Kontraktor Utama berdasarkan maklumat SoA/RD.</li> </ol>	Keperluan kerja-kerja BWIC elektrik (seperti <i>trenches, opening, pit, ducting, bund, kerb, underfloor ducting, back box, conduit</i> , dsb.) akan dilaksanakan oleh Kontraktor Utama.	Kerja pendawaian dan pemasangan elektrik juga adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor Utama melalui kontraktor elektrik domestik (DSC) Elektrik yang dilantik.
5.2.3	<b>Konvensional</b> (Pakej)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Preliminary Item dan Arahan Kepada Pentender berkenaan IBS dalam Kontrak Utama</li> <li>2. Maklumat SoA/RD dan Senarai Kuantiti berdasarkan SoA/RD.</li> <li>3. Lukisan Skematik (tipikal) akan disediakan dan dikemukakan oleh HODT Elektrik.</li> <li>4. Lukisan BWIC, Lukisan Komponen, Lukisan Susunatur &amp; Skematik (terperinci), <i>Method Statement</i>, dsb. akan disediakan oleh Kontraktor Utama berdasarkan maklumat SoA/RD.</li> </ol>	Keperluan kerja-kerja BWIC elektrik (seperti <i>trenches, opening, pit, ducting, bund, kerb, underfloor ducting system, back box, conduit</i> , dsb.) akan dilaksanakan oleh Kontraktor Utama.	Kerja pendawaian dan pemasangan elektrik juga adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor Utama/DSC Elektrik.
5.2.4	<b>Design and Build</b> (Reka dan Bina)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Design &amp; Built Needs Statement</i> oleh HODT Elektrik.</li> <li>2. Lukisan BWIC, Lukisan Susunatur &amp; Skematik disediakan oleh Kontraktor Utama (Perunding).</li> <li>3. Lukisan Komponen, <i>Method Statement</i>, dsb. akan disediakan oleh Kontraktor Utama.</li> </ol>	Keperluan kerja-kerja BWIC elektrik (seperti <i>trenches, opening, pit, ducting, bund, kerb, underfloor ducting, back box, conduit</i> , dsb.) akan dilaksanakan oleh Kontraktor Utama.	Kerja pendawaian dan pemasangan elektrik juga adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor Utama/DSC Elektrik.

**Jadual 2: Keperluan Mengikut Kaedah Perolehan Kerja Elektrik**



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**


**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	18/77

## 2.2 Cadangan Tempoh Pelaksanaan

Berdasarkan proses pelaksanaan projek JKR, tempoh penyediaan lukisan rekabentuk dan penyediaan infrastruktur untuk kerja pemasangan elektrik perlu disediakan seperti berikut:

### 2.2.1 Tempoh Penyediaan Lukisan Rekabentuk




**Rajah 2: Cadangan Tempoh Penyediaan Lukisan Rekabentuk Elektrik Untuk Projek IBS**

Tempoh pelaksanaan projek oleh HOPT bermula selepas penerimaan projek dari jabatan pelanggan. Proses penyediaan lukisan rekabentuk oleh HODT akan melalui peringkat perancangan, rekabentuk dan perolehan. Tempoh siap rekabentuk yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada kecukupan maklumat projek iaitu pemilikan tapak oleh pelanggan, peruntukan yang mencukupi dan skop yang jelas. Ianya juga bergantung kepada kompleksiti sesebuah projek itu sendiri. Walau bagaimanapun, tempoh pelaksanaan hendaklah mematuhi tempoh pelaksanaan projek sebagaimana piagam pelanggan yang terkini.

Berdasarkan rajah 2, permulaan rekabentuk awalan elektrik adalah diambil kira selepas siap lukisan konsep arkitek. Lukisan awalan elektrik merangkumi lukisan BWIC dan lukisan Susunatur elektrik yang perlu diserahkan kepada QS untuk dimasukkan dalam tender utama. Kos untuk skop kerja awalan ini perlu dimaklumkan kepada QS. Sementara Lukisan Terperinci elektrik perlu disiapkan selepas peringkat perolehan atau sebelum LA kontraktor bagi tujuan perolehan setelah LA diperolehi.

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 19/77

## 2.2.2 Tempoh Penyediaan Infrastruktur Elektrik



**Rajah 3: Cadangan Tempoh Penyediaan Infrastruktur Elektrik Untuk Projek IBS di Kilang/Tapak**

Adalah sangat penting bagi pelantikan NSC elektrik dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Merujuk kepada laporan pembentangan hasil Kajian Isu-Isu Berulang LKAN & LUAD dalam mesyuarat pengurusan atasan jabatan pada Oktober 2014, di bawah cadangan penambahbaikan punca kelewatan perlantikan NSC telah mencadangkan prosedur bagi menetapkan pelantikan NSC perlu dibuat apabila kemajuan fizikal mencapai 20% atau tidak lewat daripada 150 hari selepas SST kontrak utama dikeluarkan. Pelantikan ini juga dapat memastikan NSC dapat memberi input infrastruktur elektrik bagi persediaan pengeluaran komponen IBS di kilang atau di tapak.

- (ii) Peruntukan *Prov. Sum* bagi *Builders Work in Connection* (BWIC) dan senarai kuantiti keperluan IBS kerja Elektrik bagi tujuan pelarasan harga perlu dimasukkan dalam Kontrak Utama.
- (iii) Maklumat SoA/RD, Senarai Kuantiti (berdasarkan SoA/RD) dan Lukisan Skematik (tipikal) akan dikemukakan oleh HODT Elektrik selewat-lewatnya 2 bulan dari tarikh penerimaan lukisan susunatur arkitek (*final*).
- (iii) Lukisan Susunatur oleh HODT Elektrik perlu dikemukakan sebelum tender utama dipanggil ; dan
- (iv) Lukisan BWIC dan Lukisan Komponen perlu disediakan oleh Kontraktor Utama. Sebaiknya perlantikan *IBS Coordinator* dibuat lebih awal iaitu ketika koordinasi *shop drawings* disediakan.

**BAB 3:**

**PERINGKAT REKABENTUK**

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 21/77

### 3.1 Keperluan Dan Koordinasi Rekabentuk

#### 3.1.1 Keperluan Bagi Koordinasi Kerja

- i. Keperluan bagi melantik *IBS M&E Coordinator* di dalam kontrak utama (rujukan Surat Pekeliling CKUB bil.(10)JKR:UB(BP01)061.110/06 bertarikh 11 Disember 2009). Proses perlantikan perlu dibuat dari awal iaitu selepas SST Kontrak Utama dikeluarkan atau sebaik-baiknya sebelum kerja pemasangan sistem IBS bermula.

Bagi tujuan tersebut, HODT Elektrik perlu memastikan pihak QS memasukkan contoh perenggan di Section A: '*Preliminaries And General Conditions*' berikut di dalam dokumen tender kerja utama di bawah klausa 63.0 seperti berikut (*contoh projek yang di tender pada Februari 2015*):

**"63.0 REQUIREMENT FOR ELECTRICAL & MECHANICAL COORDINATOR FOR DRAWINGS COORDINATION PURPOSES**

**A. Coordinated Drawings**

*The Contractor shall prepare and submit to the S.O. a complete set of Coordinated Drawings which comprise Architectural, Structural, Mechanical and Electrical works pertaining to all the services incorporated into the Works by his sub-contractors, nominated sub-contractors or otherwise. The Coordinated Drawings submitted by the Contractor must integrate with all the drawings for the whole Works and must ensure efficient and orderly installation of all parts of the Works to ensure of non-interference with structural framing, ceilings, partitions, equipments, lights, mechanical and electrical and other services, with emphasis to safety, maintainability and serviceability for the lifetime of the Works. The Contractor shall gurantee that the said Coordinated Drawings shall be free and independent of any fault and they are fit for the purpose.*

**B. Mechanical and Electrical Coordinator**

*The Contractor shall engage full time on site during the whole duration of the Works, qualified, competent and experienced M&E Coordinators/IBS M&E Coordinators\* to the approval of the S.O. to supervise the Coordination Works on behalf of Contractor between Building Works and M&E services for the whole Works as specified to the S.O. approval.*

*\* The Tenderer to delete whichever is not applicable"*

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 22/77

- ii. Namun di dalam dokumen *Standard Specification for Building Works*, Section A: 'Preliminaries And General Conditions' terkini yang diedarkan pada 29 Januari 2014, di bawah klausa 43: 'Coordination of M&E Services' dinyatakan keperluan minimum bagi perlantikan *M&E Services Coordinator* adalah seperti berikut:

	Kos Projek (RM)	Keperluan Minimum <i>M&amp;E Coordinator</i>
1	10 - 50 juta	1 Jurutera & 1 <i>CoW</i>
2	50 juta ke atas	1 Jurutera & 2 <i>CoW</i>

*Jadual 3: Keperluan Minimum Mengikut Kos Projek*

Sementara syarat kelayakan dan kompetensi *M&E Services Coordinator* adalah:

	Kelayakan (di bidang kejuruteraan berkaitan)	Kompetensi Minimum (pengalaman kerja di dalam bidang pembinaan bangunan)
Jurutera	Ijazah	3 tahun
<i>CoW</i>	Diploma	5 tahun

*Jadual 4: Kelayakan dan Kompetensi Minimum yang Diperlukan*

Antara gambaran kerja-kerja yang melibatkan koordinasi di tapak dalam menghasilkan kualiti pemasangan yang baik:



*Gambar 5:*

1. Kerja-kerja 'fabrication' di kilang pembekal IBS memerlukan koordinasi. Ketika ini koordinasi proses kerja adalah sangat penting.
2. Konsep 'Modular Coordination' antara semua pihak terlibat menjadi salah satu konsep utama.



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	23/77



*Gambar 6:*

*Kerja dan proses pemasangan konduit elektrik pasang siap memerlukan penentuan kedudukan point dengan tepat. Peranan 'M&E IBS Coordinator' sebagai penyelaras di tapak adalah sangat penting bagi tujuan ini.*



*Gambar 7:*

*Kitaran tipikal proses IBS di tapak setiap aras melibatkan beberapa proses antaranya 'Panel Marking, Erection, Formwork, Rebar M&E and Concreting'.*

### 3.1.2 Lukisan Awalan, Keperluan BWIC Dan Infrastruktur Elektrik

Kerja-kerja BWIC perlu diperuntukkan di bawah item *Provisional Sum* di dalam Kontrak Utama melibatkan kerja awam yang berkaitan dengan elektrik seperti *trenches, pit, opening, kerb, dsb.*

Selain itu bagi menjayakan pelaksanaan IBS sepenuhnya, adalah dicadangkan supaya infrastruktur kerja-kerja elektrik, ELV, ICT, telefon dan infrastruktur *Lightning Protection System (LPS)* yang ada keperluan untuk dipasang secara terbenam di papak lantai dapat disediakan oleh Kontraktor Utama. Kerja-kerja infrastruktur yang terlibat adalah seperti kerja-kerja pemasangan konduit/*ducting/trunking* dan seumpamanya.

**Sementara di siling aras paling atas, perekabentuk perlu memaklumkan keperluan infrastruktur bagi penyediaan anggota struktur untuk menggantung peralatan elektrik.**

**BAB 4:**

**PERINGKAT PEROLEHAN**

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 25/77

## 4.1 Keperluan dan Syarat Pelaksanaan Dalam Kontrak Utama

### 4.1.1 Keperluan Kehendak Awalan (*Preliminaries*)

- i. HODT Elektrik perlu memaklumkan kepada HODT Ukur Bahan agar perkara-perkara berkaitan BWIC elektrik (jika perlu) dimasukkan ke dalam Dokumen Tender kerja Utama; di bawah item Preliminaries.

***“To construct trenching, pit for cable entry, plinth, opening, bund, kerb, box up (cornice) and other related works for the requirement of all electrical services (Low Voltage, Extra Low Voltage, Telephone & ICT) as per electrical drawings and utility services requirement.”***

- ii. Antara perkara-perkara lain yang melibatkan penyediaan infrastruktur elektrik (jika perlu) untuk dimasukkan oleh HODT Elektrik ke dalam senarai kuantiti Dokumen Tender kerja elektrik adalah seperti berikut;

- 1) *Opening and making good for Pipe/ducting(cable entry)***
- 2) *Wall opening and making good for Back Box/Conduit works***
- 3) *Floor slab opening/coring and make good for Junction/Joint Box***
- 4) *Concrete screeding for TNB trenching***
- 5) *Lain-lain keperluan yang berkaitan (jika berkaitan)***

- iii. Walau bagaimanapun bagi tujuan pembinaan, sub-kontraktor elektrik perlulah merujuk kepada Jurutera Struktur atau Arkitek untuk koordinasi pelaksanaan pembinaan kerja-kerja tersebut.

### 4.1.2 Adendum Arahan Kepada Petender

Perekabentuk bangunan iaitu Arkitek perlu menyediakan ruang siling yang mencukupi untuk membolehkan koordinasi laluan perkhidmatan elektrik contohnya laluan paip, sesalur udara dan *trunking* yang digantung dalam siling. Laluan atau keperluan khas bagi sistem *submain /trunking* atau sistem elektrik yang lain perlu dimaklumkan oleh HODT elektrik (jika ada) di peringkat awal projek kepada HODT Arkitek & Struktur.

Di dalam fasa rekabentuk projek, perekabentuk struktur dinding dan panel papak (*slab*) perlulah bekerjasama dengan HODT elektrik sebelum panel-panel tersebut dipasang siap di kilang. Ini termasuklah bagi menyediakan laluan konduit di dalam panel-panel tersebut.

Semua kerja-kerja elektrik perlulah mempunyai koordinasi yang baik dengan kerja-kerja binaan untuk memastikan kejayaan IBS dan juga sistem Koordinasi Modular (*Modular Coordination*). Oleh itu *IBS M&E Coordinator* mestilah dilantik untuk tujuan koordinasi servis elektrik dengan sistem IBS.

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 26/77

#### 4.1.3 Keperluan *Needs Statement*

Sebagai panduan Jurutera Elektrik yang menyediakan Penyata Kehendak (*Design & Built Needs Statement*) Elektrikal, bagi projek R & B IBS perenggan berikut hendaklah dipastikan terkandung dalam penyata kehendak elektrikal. Perenggan ini adalah seperti di bawah '*Item 3.0: General Instruction to Tenderers*' (rev. 2015);

***Tenderers/Contractors are required to propose electrical works based on agreed drawings which meet the Government's requirement.***

***All electrical works (e.g. conduits, openings, back boxes, box up (cornice), etc.) shall be coordinated with architectural and structural works for implementation of IBS including Modular Coordination. The successful tenderer shall appoint an IBS M&E coordinator to realize this coordination and implementation for the whole project."***

#### 4.1.4 Senarai Kuantiti Kerja Awalan

Senarai kuantiti bagi infrastruktur kerja-kerja awalan elektrikal tersebut perlu disediakan dan diserahkan untuk dimasukkan ke dalam Tender Utama. Contoh item bagi kerja-kerja tersebut adalah seperti berikut :

	Komponen Infrastruktur Elektrik	Bentuk Pengukuran
1.	Pemasangan konduit untuk sistem Elektrik, Telefon, ICT dan ELV (di papak/ lantai/ dinding)	i. Jenis konduit sama ada uPVC atau GS. ii. Kuantiti dinyatakan bagi bilangan mata punca ( <i>point</i> ) bagi kipas, soket dan lampu.
2.	Pemasangan <i>underfloor ducting / trunking system</i> .	i. Jenis perlu dinyatakan sama ada uPVC ( <i>heavy duty</i> ) atau GS. ii. Saiz sama ada 2 way atau 3 way system. iii. Kuantiti dinyatakan sama ada dalam ukuran meter atau pukal.
3.	Pemasangan Sistem Perlindungan Kilat ( <i>Lightning Protection System</i> ).	i. Jenis pemasangan sama ada <i>copper tape, aluminium tape</i> atau <i>steel wire</i> lengkap dengan aksesori yang berkaitan. ii. Kuantiti dinyatakan dalam ukuran pukal.

*Rajah 4: Item Kerja Awalan dan Komponen Infrastruktur Elektrik*

Item bagi kerja awalan elektrik hendaklah disediakan dalam bentuk kuantiti atau '*lump sum*' (pukal) di mana perlu, seterusnya dikemukakan kepada QS untuk diperuntukkan di dalam tender kerja utama. Keperluan bagi kerja awalan ini boleh di rujuk pada '*Apendiks: Lampiran A*' sebagai panduan.

**BAB 5:**  
**PERINGKAT PRA PEMBINAAN**



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	28/77

## 5.1 Maklumat Asas Komponen

### 5.1.1 Komponen IBS (Struktur)

Kombinasi struktur bagi rasuk (*beam*), tiang (*column*), papak (*slab*) dan dinding (*wall*) oleh pembekal sistem IBS di tapak perlu dirujuk kepada jurutera struktur atau lukisan perincian struktur yang diluluskan bagi projek berkaitan.

Antara maklumat dari katalog komponen struktur IBS piawai Caw. Kejuruteraan Awan & Struktur (CKAS) untuk bangunan sebagai rujukan diringkaskan seperti maklumat dijadual berikut. Walau bagaimanapun bentuk dan lukisan sebenar hendaklah dirujuk dan tertakluk kepada lukisan piawai struktur berkenaan.





1	Komponen Struktur (Piawai)	Gred (N/mm <sup>2</sup> )	Konkrit (COVER (mm))	Saiz			Bentuk Keratan Rentas	
				W (mm)	H <sub>T</sub> (mm)	H <sub>C</sub> (mm)		
	<i>Precast Beam</i>	35	25					
i.	<i>Rectangular Beam Side</i>			300	500 600	300 400		
				350	700 800	500 600		
ii.	<i>Inverted T-Beam Side</i>			400	500 600 700 800	400 500 600 700		
				500	500 600 650 700 800	400 500 550 600 700		
				600	600 700 800	500 600 700		
iii.	<i>L-Shape Beam Side</i>			300	500 600 700 800	400 500 600 700		
				400	600 700 800	500 600 700		



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	29/77

	Komponen Struktur (Piawai)	Gred	Konkrit	Saiz			Bentuk Keratan Rentas
				D (mm)	W (mm)	L (mm)	
<b>2</b>	<b>TIANG (COLUMN)</b>	N/ mm <sup>2</sup>	COVER (mm)				
	<i>Precast Column</i>	35	40				
i	<i>Square</i> 			300 350 400 450 500 600 700	300 350 400 450 500 600 700		
ii	<i>Rectangular</i> 			300 400 500 600 700	350 400 500 600 700		
<b>3</b>	<b>PAPAK (SLAB)</b>	N/ mm <sup>2</sup>	COVER (mm)	W (mm)	H <sub>T</sub> (mm)	H <sub>C</sub> (mm)	
i	<i>Precast Half Slab</i> 	35	25	1200	150 200 250	75 100 125	
<b>4</b>	<b>LAIN-LAIN (Bukan Piawai)</b>	Gred	Konkrit	Saiz			Bentuk
i	<i>Hollow Core Slab</i> 	N/ mm <sup>2</sup>	COVER (mm)	W (mm)	H <sub>T</sub> (mm)	H <sub>C</sub> (mm)	
		35	25, 35	1200	75 ke 150	150 ke 500	





**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	30/77

### 5.1.2 Komponen IBS (Arkitek)

Terdapat dua (2) komponen DINDING IBS antaranya:

1	Komponen Arkitek	Jenis/Sistem	Saiz (Tebal)			Bentuk
			D <sub>min</sub> (mm)	D <sub>max</sub> (mm)		
	<b>Light Weight Partition System (Internal Wall)</b>					
i	<i>Dry wall system</i>	<i>Cement Board</i> <i>Acotec Panel</i> <i>Thermal Wall</i> <i>Gypsum Wall</i> <i>Solidwall (Light Weight Infill)</i> <i>Fire Rated Dry Wall</i> <i>Acoustic Dry Wall</i> <i>Cavity Dry wall</i>	15 75  12 6 107 76 600	125 100 100 15 - 112 200 3000		
	<i>Precision Block (precast)</i>	<i>Masonry Block / Units</i>  <i>Autoclaved Aerated Concrete (AAC)</i>	90  100	190  200		
2	<b>Wall Panel</b>		L	W	H	
			(mm)			
i	<i>Precast</i>	<i>Concrete Wall Panel</i>	<i>Customised mengikut ukuran arkitek</i>			
	<i>Acotec Panel</i>	<i>Hollow type wall panel</i>	900 - 3300	600	100	
			(Atau customised mengikut ukuran arkitek)			

**Nota :** Ukuran saiz sebenar adalah tertakluk kepada lukisan rekabentuk/pembinaan yang berkaitan.


	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup></b> <b>BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>		
		Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
		Pindaan	:	
		Tarikh Pindaan	:	
		Muka Surat	:	31/77

### 5.1.3 Komponen Elektrik

Komponen-komponen mestilah menggunakan jenama diluluskan yang mematuhi spesifikasi JKR bagi mengekalkan kualiti pembinaan.

Antara syarat-syarat bagi konduit yang dipasang terbenam (*concealed*) yang dibolehkan mestilah mengikut surat edaran CKE bil. (34) dlm.PKR (L) 2/1/1 Jld.5, bertarikh 12 Mei 2009) atau mengikut edaran semasa.

Antara komponen yang melibatkan kerja pemasangan infrastruktur elektrik adalah seperti berikut. Saiz dan jenis bahan bagi komponen elektrik di bawah adalah sebagai rujukan sahaja. Komponen elektrik dan saiz ini boleh dirujuk kelulusannya di laman web 'JMAL' (*JKR Material Approval List*) sepertimana di dalam laman sesawang jabatan iaitu <http://www.jkr.gov.my>.


	Komponen Elektrik	Jenis	Saiz			Bentuk
1	<b>ELECTRICAL CONDUIT &amp; ACCESORIES</b>		Dia (mm)			
i.	Conduit	Galvanised Steel	20			
			25			
		uPVC ( <i>high impact</i> )	20			
			25			
ii.	Inspection Bend	Galvanised Steel	20			
			25			
iii.	Inspection Tee	3 Way Galvanised Steel	20			
			25			
		3 Way uPVC ( <i>high impact</i> )	20			
			25			



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	32/77

iv.	<i>Terminal Box</i>	1 Way Galvanised Steel	20			
			25			
		2 Way Galvanised Steel	20			
			25			
		3 Way Galvanised Steel	20			
			25			
v.	<i>Cross Box</i>	4 Way Galvanised Steel	20			
			25			
2	<b>LIGHTNING PROTECTION SYSTEM</b>	Jenis	W (mm)	D (mm)		Bentuk
i.	<i>Conductor (tape)</i>	<i>Copper/ Aluminium</i>	25	3		
ii.	<i>Test Joint</i>	<i>Copper</i>	25	3		
3	<b>UNDERFLOOR DUCTING / TRUNKING SYSTEM</b>	Jenis	H (mm)	W (mm)	L (mm)	Bentuk
i	<i>Junction Box</i>	Steel	56	250	250	
					300	

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup></b> <b>BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>		
		Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
		Pindaan	:	
		Tarikh Pindaan	:	
		Muka Surat	:	33/77

ii.	<i>Trunking</i>	uPVC (high impact)	25	75	2440		
			32	100	3000		
			38				
		Galvanised Steel	25	75	2440		
			32	100	3000		
			38				
4	<b>SWITCHES &amp; ACCESORIES</b>	Jenis	L (mm)	W (mm)	D (mm)	Bentuk	
i.	<i>Back Box</i>	1 gang	75	75	40		
ii.	<i>Switch Socket Outlet</i>	1 gang	75	75	-		
iii.	<i>Switch</i>	1 gang	75	75	-		

Nota : Saiz dan jenis bahan bagi komponen sebenar untuk pemasangan di tapak mestilah merujuk kepada lukisan pembinaan yang diluluskan.




**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	34/77

## 5.2 Input Lukisan Pembinaan Elektrik



Rajah 5: Contoh kedudukan punca elektrik dari aras lantai/siling (unit dalam mm)

Kedudukan punca elektrik di dinding dari aras lantai atau siling perlu dirujuk lukisan pembinaan elektrik. Walau bagaimanapun kedudukan punca elektrik diringkaskan seperti berikut:

	Jenis Punca Elektrik	Kategori	Jarak dari Aras Lantai (mm)	Jarak dari Aras Siling (mm)
1	Switch Socket Outlet	Low	300	-
		Mid 1	900	-
		Mid 2	1450	-
		High (below ceiling)	-	150
		High (above ceiling)	-	300
2	Isolator		1450	-
3	Light Switch		1450	-
4	Wall Light		2050	-
5	Fan Regulator		1450	-
6	Wall Fan		2050	-
7	ICT		300	-
8	Telephone	Low	300	-
		High	1450	-
9	Intercom		1450	-
10	Volume Control		1450	-


Jadual 5: Jenis Punca Elektrik dengan Jarak Ketinggian



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	35/77



*Rajah 6: Contoh kedudukan punca elektrik dari pintu dan tingkap (unit dalam mm)*

Kedudukan punca elektrik dari pintu dan tingkap sekurang-kurangnya dengan jarak minimum 150mm (*rujuk Rajah 6*).

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup> BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 36/77

### 5.3 Isu Pemasangan Peringkat Pra-Pembinaan

Antara isu peringkat pra pembinaan adalah:

- i. Kerja pemasangan konduit hanya dilakukan selepas NSC dilantik.
- ii. Kontraktor utama meminta NSC membantu melaksanakan skop pemasangan *Infrastructure of Electrical Works* ini di kilang.
- iii. Kaedah pelaksanaan tender di peringkat perolehan projek memberi impak kepada fasa pembinaan projek.

Hasil dari kajian pada April 2013 yang diperolehi daripada WPP Elektrik di CKE Negeri bagi peringkat pra pembinaan, didapati masalah utama pelaksanaan projek-projek IBS adalah seperti jadual berikut:

	Masalah / Isu	Contoh projek untuk Rujukan
1.	Kontraktor masih tidak jelas konsep IBS, dimaklumkan hanya semasa Mesyuarat Pra-Pembinaan.	Projek Depot Tahanan Kemayan di Pahang.
2.	Perunding / Designer JKR masih tidak jelas konsep IBS yang hendak dilaksanakan (skop elektrik).	Semua Projek RMK10 secara RISP
3.	Pembekal IBS tidak mahu mematuhi kehendak elektrik, contohnya bagi pemasangan <i>concealed ducting</i> bagi LPS.	Projek Halal Hub Malaysia Bandar Enstek di Nilai.
4.	Kontraktor Utama / Pembekal masih menunggu lantikan NSC untuk melaksanakan IBS di kilang.	Projek Depot Tahanan Kemayan di Pahang.
5.	Masalah penggunaan <i>Precast Wall</i> oleh Kontraktor Utama memerlukan koordinasi lebih berkesan terutama melibatkan kerja pemasangan aksesori di kilang.	Semua Projek RMK10 secara RISP

*Jadual 6: Antara Masalah/Isu Peringkat Pra Pembinaan*




**MANUAL PELAKSANAAN IBS 1.0  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**


**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	37/77

**5.4 Contoh Lukisan Koordinasi Elektrik**



*Rajah 7: Contoh Lukisan Koordinasi Susunatur Elektrik*



*Rajah 8: Contoh Lukisan 'Shop Drawing' Susunatur Keperluan Elektrik*

**BAB 6:**  
**PERINGKAT PEMBINAAN**

	<b>MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup></b> <b>BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK</b>	<b>CKE.MN.01.52.(00).2015</b>	
		Tarikh dikeluarkan	: Januari 2016
		Pindaan	:
		Tarikh Pindaan	:
		Muka Surat	: 39/77

## 6.1 Matriks Peranan Dan Tanggungjawab

### 6.1.1 Pasukan Projek Kaedah Konvensional (Terbuka/Terhad)

Petunjuk															
R	Responsible	A	Assist	C	Consult	I	Informed	S	Signed-Off/Approved						
Bil	TASK / AKTIVITI	HOPT	HODT/Perunding					PP	WPP				Kontraktor		
			Arkitek	C&S	QS	Elektrikal	Mekanikal		Perunding (E)*	WPP Utama	WPP QS	WPP Mekanikal	WPP Elektrik	MC	EC (MSE/NSC)
<b>KONVENSIONAL WKP (Terbuka/Terhad)</b>															
<b>PRA KONTRAK</b>															
<b>A. PERINGKAT PERANCANGAN</b>															
1	Menentukan pelaksanaan projek secara IBS.	R	C	C	A	C	C	I							
<b>B. PERINGKAT REKABENTUK</b>															
1	<b>Lukisan Awalan Elektrik</b>														
1.2	Sedia Lukisan Awalan Elektrik (BWIC, konsep dan susunatur sistem ICT/ELV/Telefon, punca lampu, soket, kipas, <i>underfloor ducting</i> , dsb.)	I				R		C							
2	<b>Keperluan Ruang &amp; Laluan Sistem Elektrik</b>														
2.1	Sedia maklumat keperluan ruang dan laluan ( <i>false wall/ceiling</i> ) bagi sistem <i>submain/trunking</i> elektrik di koridor jika ada.	I	C		I	R		A							
2.2	Maklum keperluan kerja-kerja BWIC elektrik (keperluan ruang, <i>trenches, opening, plinth, bund, kerb</i> , dsb.)	I	C	C	I	R		A							
3	<b>Lukisan Rekabentuk Elektrik</b>														
3.1	Sedia Lukisan Rekabentuk Elektrik terperinci (sistem ICT/ELV/Telefon, punca lampu, soket, kipas, <i>underfloor ducting</i> , dsb.)	I				R		A							
<b>C. PERINGKAT PEROLEHAN</b>															
1.1	Semak peruntukan item bagi peralantikan IBS M&E Coordinator, keperluan kerja BWIC dan kerja awalan elektrik di dalam <i>Preliminary Kontrak Utama</i> .	I			C	R		A							
1.2	Anggar jumlah kos <i>Provisional Sum</i> yang diperlukan untuk kerja-kerja BWIC elektrik ( <i>trenches, opening, plinth, bund, kerb, dsb.</i> )					R		A							
1.3	Anggar jumlah kos <i>Provisional Sum</i> atau sedia Senarai Kuantiti bagi kerja-kerja awalan elektrik i.e. <i>underfloor ducting, back box, conduit, dsb.</i> bagi soket, lampu, kipas, ICT/ELV, dll. dalam <i>Kontrak Utama</i> (jika perlu)					R		A							
1.4	Kemuka anggaran kos atau Senarai Kuantiti dan kerja awalan elektrik berkaitan.	I			C	R		A							
1.5	Sedia Arahan Kepada Pentender bagi keperluan IBS kerja elektrik (jika ada).	I			C	R		A							



**MANUAL PELAKSANAAN IBS<sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	40/77

Bil	TASK / AKTIVITI	HOPT	HODT/Perunding						PP	WPP				Kontraktor		
			Arkitek	C&S	QS	Elektrikal	Mekanikal	Perunding (E)*		WPP Utama	WPP QS	WPP Mekanikal	WPP Elektrik	MC	EC (E&C/NSC)	IBS M&E
	<b>POS KONTRAK</b>															
	<b>D. PERINGKAT PEMBINAAN</b>															
1	<b>Mesyuarat Pra Pembinaan</b>															
1.1	Atur mesyuarat Pra Pembinaan projek IBS dengan kehadiran Pasukan Projek (HOPT/HODT/ PP/WPP/Kontraktor/ Perunding)	R	I	I	A	I	I	I	C	A	A	I	I	I		
1.2	Penerangan kepada Pasukan Projek mengenai kaedah pelaksanaan IBS dan penyelarasan komponen-komponen IBS yang akan digunakan.	I	C	C	A	I	I	I	I	C	I	I	I	R		
1.3	Lantik IBS M&E Coordinator	I			I	I	I	I	S	C	I	C	C	R	I	I
1.4	Kemuka Lukisan Awalan Elektrik / Lukisan Rekabentuk Elektrik terperinci	I				R			A	I			I	I	I	I
1.5	Atur lawatan ke kilang komponen IBS bersama Pasukan Projek.	I	I	I	I	I	I	I	S	C	I	I	I	R	I	I
2	<b>Lukisan Komponen</b>															
2.1	Maklumat penggunaan jenis-jenis komponen dinding IBS yang akan digunakan dalam rekabentuk HODT Arkitek e.g. wall panel, light weight partition, dsb.	I	C	I	C	I	I	I	I	I		I	I	R	I	I
2.2	Maklumat penggunaan jenis-jenis komponen struktur dan lantai IBS yang akan digunakan dalam rekabentuk HODT C&S e.g. hollow core, half slab, dsb.	I		C	C	I	I	I	I	I		I	I	R	I	I
2.3	Sedia Lukisan Komponen (maklumat laluan konduit dan aksesori), Method Statement, dsb. berdasarkan Lukisan Awalan Elektrik					I			C				I	C	R	C
2.4	Semak dan lulus Lukisan Komponen	I				I		R	I	I			S	C	A	C
3	<b>Lukisan Pembinaan Elektrik</b>															
3.1	Selaras dan semak Lukisan Pembinaan Elektrik mengikut kaedah pelaksanaan dan pemasangan komponen IBS.	I				I			C	I			C		A	R
4	<b>Lukisan Kerja Elektrik</b>															
4.1	Sedia Lukisan Kerja Elektrik bagi laluan konduit								C				C	C	R	C
4.2	Semak dan lulus Lukisan Kerja Elektrik laluan konduit	I				I			C	I	I		S	I	A	R



**MANUAL PELAKSANAAN IBS <sup>1.0</sup>  
BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIK**

**CKE.MN.01.52.(00).2015**

Tarikh dikeluarkan	:	Januari 2016
Pindaan	:	
Tarikh Pindaan	:	
Muka Surat	:	41/77

Bil	TASK / AKTIVITI	HOPT	HODT/Perunding					Perunding (E)*	PP	WPP				Kontraktor			
			Arkitek	C&S	QS	Elektrikal	Mekanikal			WPP Utama	WPP QS	WPP Mekanikal	WPP Elektrik	MC	EC (DSE/NSC)	IBS M&E Coordinator	
5	<b>Kerja-kerja conduit elektrik</b>																
